

**Malaysia Akan Tandatangani Perjanjian Keselamatan Dengan China, Vietnam
Bernama
19 September, 2011**

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Malaysia akan menandatangani perjanjian kerjasama keselamatan dengan China dan Vietnam dalam menangani ancaman jenayah transnasional, kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Beliau berkata antara lain, perjanjian itu melibatkan perkongsian maklumat mengenai sindiket antarabangsa pemerdagangan manusia.

"Kerjasama itu juga penting untuk kita melihat perjalanan barang-barang buatan dalam konteks perdagangan yang kadangkala boleh ditafsirkan sebagai, barangan ancaman nuklear, contohnya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Ketiga Jenayah Kewangan dan Pembiayaan Keganasan di sini Isnin.

Hishammuddin berkata perjanjian dengan Vietnam berkisar kepada, antara lain, pergerakan manusia, pekerja serta visa pelajar selain hubungan keselamatan antara kedua-dua negara.

Terdahulu dalam ucapannya, Hishammuddin berkata beliau akan berkunjung ke China dan kemudian ke Vietnam untuk menandatangani perjanjian itu dalam beberapa bulan lagi.

"Malaysia serius untuk memerangi jenayah transnasional dan kita akan meneruskan agenda ini untuk memastikan Malaysia kekal dari aspek keselamatannya, selamat dan makmur untuk manfaat rakyat dan ekonominya," katanya pada persidangan itu.

Hishammuddin berkata Malaysia telah menandatangani perjanjian kerjasama keselamatan dengan Arab Saudi pada April 2011 dan menandatangani memorandum persefahaman untuk menghalang dan membanteras jenayah transnasional dengan United Kingdom tiga bulan kemudian.

"Kita harus sedar bahawa jenayah transnasional kini adalah salah satu ancaman utama yang di hadapi dunia hari ini. Ia adalah jauh lebih besar daripada ancaman kepada sistem global berbanding dua kali kemelesetan ekonomi, kebangkitan politik di Timur Tengah atau malahan gempa bumi atau tsunami," katanya.

Katanya jenayah transnasional adalah terlalu kompleks untuk sesebuah negara tangani secara berkesan kerana ia adalah masalah global yang memerlukan penyelesaian global dengan penguatkuasaan domestik.

Persidangan dua hari itu dianjurkan oleh beberapa entiti seperti Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM), Compliance Officers' Networking Group, Institut Kewangan Asia (AIF) dan Persatuan Insurans Am Malaysia (MII).

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=614305>